

**SULIT**

**Bahasa Melayu**

**Kertas 2**

**Peraturan Pemarkahan**

**1103/2 (PP)**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 18 halaman bercetak

**Markah penuh : 100 markah**

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 7: **6** markah

**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap imbuhan awalan pinjaman yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata dengan imbuhan awalan pinjaman telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata dengan imbuhan awalan pinjaman salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata dengan imbuhan awalan pinjaman digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
9. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

**Soalan 1 - Morfologi Kata imbuhan awalan pinjaman**

**(i) proaktif**

- Sikap positif merangka atau melakukan sesuatu tindakan, tindakan jauh lebih awal daripadanya berlakunya sesuatu perkara yang sememangnya memerlukan tindakan berkenaan.

**(ii) tatabahasa**

- Pengetahuan atau pelajaran tentang pembentukan perkataan dan proses pembinaan ayat.

**(iii) mahasiswa**

- Penuntut di universiti

**(iv) bitara**

- Tiada taranya, hanya satu-satunya.

**[Maksimum : 8 markah]**

**Perhatian bagi Soalan 2**

1. Berikan 1 markah bagi setiap frasa yang betul.
2. Menambah perkataan lain atau mengurangkan perkataan yang sedia ada dalam ayat, berikan 0 markah.

**Soalan 2 – Sintaksis****Mengenal pasti pola ayat**

- (i) **Frasa Nama** : Teknologi kilang tanaman  
**Frasa Nama** : ialah satu daripada teknologi pertanian bandar
- (ii) **Frasa Nama** : kawasan tanaman  
**Frasa Adjektif** : lebih bersih kerana disanitasi mengikut langkah kawalan yang ditetapkan
- (iii) **Frasa Nama** : Kebersihan kilang tanaman  
**Frasa Sendi Nama** : adalah untuk menjamin kualiti sayur-sayuran yang dihasilkan agar lebih segar

**[Maksimum: 6 markah]**

**Perhatian bagi Soalan 3 : Penyuntingan**

1. Periksa jawapan calon setakat lima kesalahan pertama pada Bahan 1.
2. Berikan 1 markah bagi setiap kesalahan bahasa yang dibetulkan dengan tepat.
3. Berikan 0 markah jika calon tidak menyenaraikan perkataan yang salah.
4. Terima jawapan jika calon membetulkan kesalahan dalam petikan yang ditulis semula.

**Soalan 3 – Penyuntingan****Bahan 1**

- |       |                     |   |  |
|-------|---------------------|---|--|
| (i)   | sehelai             | - | sepucuk (kesalahan bahasa – penjodoh bilangan) |
| (ii)  | tempuh              | - | tempoh (kesalahan istilah)                     |
| (iii) | demi untuk          | - | demi / untuk (kata hubung)                     |
| (iv)  | atlit               | - | atlet (kesalahan ejaan)                        |
| (v)   | dilakukan oleh saya | - | saya lakukan (kesalahan bahasa – kata pasif)   |
| (vi)  | emel                | - | e-mel (kesalahan ejaan)                        |

**Bahan 2**

- |       |            |   |   |
|-------|------------|---|---|
| (i)   | sejak dari | - | sejak / dari (kesalahan bahasa – kata sendi)              |
| (ii)  | senggang   | - | senggang (kesalahan ejaan)                                |
| (iii) | edaran     | - | peredaran (kesalahan imbuhan)                             |
| (iv)  | dilaksana  | - | dilaksanakan (kesalahan imbuhan)                          |
| (v)   | berbagai   | - | berbagai-bagai / pelbagai (kesalahan bahasa – kata ganda) |
| (vi)  | dijauhi    | - | dihindari (kesalahan istilah)                             |

**[Maksimum : 11 markah]**

**Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4**

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat / Isi <b>tidak</b> mengikut urutan	0

**Soalan 4-Bahasa Melayu Standard**

Setelah hari siang orang-orang kaya itu datang menghadap raja untuk mengadu tentang kecurian yang berlaku semalam. Baginda berasa hairan lalu bertitah kepada Temenggung, “Wahai Temenggung, adakah Temenggung menyuruh orang Temenggung berkawal malam tadi?”

Sembah Temenggung/ Temenggung bersembah, “Daulat tuanku Syah Alam, patik telah menyuruh orang berkawal malam tadi/ sepanjang malam namun, tiada seorang pun ditemui oleh orang yang berkawal. Orang suruhan patik pun berasa hairan dengan pencuri/ askar upahan itu.”

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 5 – Peribahasa Peribahasa berdasarkan situasi**

- (i) harapkan pagar, pagar makan padi / pancing makan umpan / sokong membawa rebah / telunjuk mencocok @ menikam mata / tongkat membawa rebah.
  - orang yang kita percayai, berkhianat kepada kita
- (ii) Mulut tempayan
  - tidak dapat menyimpan rahsia
- (iii) rambut sama hitam, hati masing-masing berlainan
  - tiap-tiap orang berlainan pendapatnya
- (iv) nasi sudah menjadi bubur / apa boleh buat, sakit menimpa sesal terlambat
  - sudah terlanjur, tidak boleh diubah lagi.
- (v) Bagai kaca terhempas ke batu
  - Sangat sedih/ kecewa
- (vi) Bagai isi dengan kuku
  - Persahabatan yang sangat akrab

**[Maksimum : 6 markah]**

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

**Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan pemarkahan soalan pemahaman 1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

**2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi <b>tidak</b> cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi <b>tidak</b> cukup/ tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

**3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel**

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) ayat gramatis	
Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

**Soalan 6****Markah****(i) Persediaan-persediaan**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| P1 | seseorang perlu bersedia untuk berhadapan dengan jiran yang berlainan bangsa dan agama | 1 |
| P2 | mereka/ seorng perlu menerima perbezaan sikap orang sekeliling                         | 1 |
| P3 | berusaha menjadi jiran yang baik   | 1 |

**[Maksimum : 2 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(ii) Punca-punca****Bahan 1**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | ada segelintir masyarakat yang terlalu menjaga privasi dalam kehidupan mereka | 1 |
| P2 | mereka sentiasa menutup pintu rumah untuk mengelak kehadiran jiran mereka     | 1 |

**Bahan 2**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P3 | masing-masing terpaksa keluar sebelum matahari terbit dan pulang pada lewat malam untuk bekerja               | 1 |
| P4 | pada hujung minggu pula mereka akan memanfaatkan masa sepenuhnya untuk berehat bersama-sama keluarga di rumah | 1 |

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan****[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Peranan-peranan ketua masyarakat**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | menubuhkan Rukun Tetangga   | 1 |
| P2 | merancang/ menjalankan aktiviti/ program kemasyarakatan/ kejiaran | 1 |
| P3 | mewujudkan kumpulan WhatsApp/ Telegram penduduk                   | 1 |
| P4 | menjadi orang tengah dalam menyelesaikan masalah kejiaran         | 1 |
| P5 | bersikap adil dalam menyelesaikan masalah kejiaran                | 1 |
| P6 | bekerjasama dengan agensi-agensi lain                             | 1 |

**(Peranan lain boleh diterima sekiranya sesuai)****[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]**

**(iv) Pendekatan untuk merapatkan hubungan anak muda**

P1	berjumpa dan menasihati mereka	1
P2	mengajak mereka melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan/ kejrangan	1
P3	memaklumkan kepada ketua kampung	1
P4	meminta ibu bapa mereka melibatkan anak dalam aktiviti kejrangan	1
P5	memastikan anak-anaknya menjadi contoh kepada anak muda di situ	1
P6	Melantik golongan muda sebagai jawatankuasa komuniti/ kejrangan	1

**(Pendekatan lain boleh diterima sekiranya sesuai)****[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]**



**Soalan 7****Markah****(i) Maksud**

- |                            |   |
|----------------------------|---|
| - Tempat diperanakkan      | 2 |
| - tempat <i>kelahiran</i>  | 1 |
| - <i>bumi</i> diperanakkan | 0 |

**(ii) Peranan-peranan****Bahan 1**

- |                                    |   |
|------------------------------------|---|
| P1 bahasa menunjukkan bangsa       | 1 |
| P2 tanpa bahasa kita mundur        | 1 |
| P3 tanpa bahasa kita dihina        | 1 |
| P4 tanpa bahasa akan hilang budaya | 1 |

**Bahan 2**

- |                       |   |
|-----------------------|---|
| P5 bahasa jiwa bangsa | 1 |
|-----------------------|---|

**Bahan 3**

- |                                   |   |
|-----------------------------------|---|
| P6 kita ungkapkan sepanjang zaman | 1 |
| P7 bahasa menyerlahkan bangsa     | 1 |
| P8 komunikasi                     | 1 |

**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]****(iii) Langkah-langkah**

- |   |   |
|---|---|
| P1 mendidik/ mengajar anak sejak dari kecil cara berkomunikasi dengan betul | 1 |
| P2 menjadi contoh/ suri teladan   | 1 |
| P3 menegur/ menasihati anak-anak secara berhemah/ lembut                    | 1 |
| P4 memantau penggunaan media sosial anak-anak                               | 1 |
| P5 melibatkan anak-anak dalam aktiviti berkaitan bahasa                     | 1 |

**(langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)****[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]**

**(iv) Tindakan-tindakan**

P1	berkomunikasi dalam bahasa ibunda	1
P2	meminta bantuan guru	1
P3	membawa rakan ke pameran/karnival berkaitan bahasa ibunda	1
P4	memintanya ke kelas tambahan bahasa ibunda	1
P5	Membetulkan/ mengajar bahasanya ketika berkomunikasi	1
P6	membelikan buku/kamus/ bahan bacaan bahasa ibunda	1
P7	menyertai aktiviti kokurikulum bahasa ibunda	1
P8	menyuruh rakan menasihati keluarganya bertutur dalam bahasa ibunda	1

**(tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**Soalan 8****(i) Perkara yang dilakukan oleh lelaki itu sebaik Farisha berpaling menatap wajahnya.**

P1	mereka bertentang mata beberapa ketika	1
P2	berbalas senyuman	1
P3	menamatkan perbualan telefon	1
P4	minta maaf	1

**Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)****(i) Soalan novel : 6 markah**

- Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- Beri 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh).
- Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum: 6 markah]**

## Peristiwa yang memberikan kesedaran kepada pembaca

### DI SEBALIK DINARA karya Dayang Noor

1. Peristiwa Azraai memasang retinal scanner pada pintu apartmen adik angkatnya, Farisha untuk melindungi keselamatan Farisha setelah berlaku satu kes pembunuhan tidak jauh dari tempat tinggal Farisha.

**Huraian:** Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa melindungi keselamatan orang yang kita sayangi/ ahli keluarga.

2. Peristiwa Farisha tidak terburu-buru membuat keputusan terhadap tawaran daripada Aqram mengenai projek di Soft Lab bernilai RM1.5 juta. Farisha berbincang dengan abangnya Azraai sebelum membuat keputusan menerima tawaran tersebut.

**Huraian:** Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa berfikir dan meminta pendapat orang yang dipercayai sebelum membuat keputusan.

3. Peristiwa Dr. Maxi, Aqram dan Khairul Anwar sentiasa mengadakan perbincangan di Soft Lab bagi memastikan rancangan mereka menyelamatkan sistem Dinara berjalan lancar .

**Huraian:** Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa bekerjasama dengan rakan sekerja dan membuat persediaan yang rapi ketika melakukan sesuatu pekerjaan.

4. Peristiwa Farisha membeli tiket berharga RM2,500 untuk dia dan Rosman menghadiri simposium di Hotel Renaissance agar mereka dapat menimba ilmu pengetahuan bagi memajukan syarikat yang sama-sama diusahakan oleh mereka iaitu syarikat Secured Shell Sdn. Bhd.

**Huraian:** Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa menimba ilmu pengetahuan untuk memajukan diri.

- Peristiwa Farisha berjumpa dengan Karl untuk kali terakhir di rumah agam milik Karl sebelum Karl menghembuskan nafasnya yang terakhir walaupun Farisha mengetahui bahawa Karl pernah bertindak kejam terhadapnya. Karl telah menanam implan ke dalam tubuh Farisha ketika Farisha masih bayi tanpa sebarang ubat bius.

**Huraian:** Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca agar tidak berdendam dan sentiasa memaafkan orang lain.

**Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai**

### **SILIR DAKSINA karya Nizar Parman**

- Peristiwa Abdullah bin Kayan menulis manuskrip untuk anaknya Haiqal yang terpisah daripadanya sejak kecil setelah dia bercerai dengan isterinya sebagai bukti kerinduan dan kasih sayang kepada anaknya.

**Huraian:** Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa mengingati dan menyayangi ahli keluarga.

- Peristiwa Ai Ling yang memenangi pertandingan mendeklamasikan puisi peringkat sekolah setelah gigih berlatih dengan Cikgu Zam setiap hari sehingga lewat petang walaupun dia menghadapi masalah pernafasan.

**Huraian:** Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca agar tidak mudah berputus asa dan sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan.

- Peristiwa Tauke Ong yang memulakan kehidupan baru bersama isteri dan anak-anaknya di Batu Pahat, Johor setelah semua tanah mendiang bapanya di Ipoh habis digadaikan oleh abangnya yang suka berjudi.

**Huraian:** Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa berusaha mencari rezeki untuk keluarga walaupun terpaksa berhijrah ke tempat baharu.

- Peristiwa ibu, ayah tiri serta adik tiri Haiqal hadir di balai raya untuk menyaksikan Haiqal mempersembahkan tarian zapin jincat.

**Huraian:** Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca kerana sebagai ahli keluarga perlulah menyokong minat dan kecenderungan anak-anak.

4. Peristiwa Pak Cik Bakar, Haji Salim, Wak Arif dan penduduk kampung bekerjasama membuat persiapan di balai raya sempena persembahan tarian zapin D’Purnama.

**Huraian:** Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa bekerjasama dalam melakukan apa-apa tugas.

**Nota:** Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

### BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

#### Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20** markah
- (b) Bahasa - **10** markah

#### (a) Isi [20 markah]

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
  - nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
  - gelaran
  - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bahagian Isi Diterima							Markah Maksimum
<b>(i) Pendahuluan</b>									2
<b>(ii) Isi Bahan 1</b>									16
Fokus 1 (langkah/cara/usaha)	3	3	2	2	2	1	1	1	
Fokus 2 (punca/sebab/faktor)	3	1	2	1	2	3	2	2	
Fokus 3 (kesan)	2	1	1	2	1	1	2	1	
<b>(ii) Isi Bahan 2</b>									
Fokus 2 (punca/sebab/faktor)	1	1	1	1	1	1	1	1	
Fokus 3 (kesan)	1	1	1	1	1	1	1	1	
<b>(iii) Isi Bahan 3</b>									
Fokus 1 (langkah/cara/usaha)	2	1	1	1	1	1	1	2	
<b>Jumlah Isi</b>	12	8	8	8	8	8	8	8	
<b>(v) Penutup / Kesimpulan</b>									2
<b>Jumlah Markah</b>								<b>20</b>	

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	<input type="checkbox"/> Kesenambungan ayat sangat baik <input type="checkbox"/> Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu <input type="checkbox"/> Penggunaan kosa kata luas dan tepat <input type="checkbox"/> Pengolahan sangat menarik dan berkesan
Baik	5 - 7 markah	<input type="checkbox"/> Kesenambungan ayat baik. <input type="checkbox"/> Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu <input type="checkbox"/> Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat <input type="checkbox"/> Pengolahan masih menarik dan berkesan
Sederhana	3 - 4 markah	<input type="checkbox"/> Kesenambungan ayat kurang baik <input type="checkbox"/> Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu <input type="checkbox"/> Penggunaan kosa kata kurang luas dan tepat <input type="checkbox"/> Pengolahan kurang menarik dan berkesan
Lemah	1 - 2 markah	<input type="checkbox"/> Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Maksimum: 10 markah]**

**Pendahuluan [2 markah]****Markah**

P1	Rumusan/ petikan membincangkan langkah/ cara/ usaha menjaga kebersihan tandas awam, punca/ sebab/ faktor berlakunya tandas kotor dan kesan tidak menjaga kebersihan tandas/ tandas awam / tandas sekolah.	2
P2	Rumusan/ petikan membincangkan langkah/ cara/ usaha menjaga kebersihan tandas/ tandas awam / tandas sekolah.	1
P3	Rumusan/ petikan membincangkan punca/ sebab/ faktor berlakunya tandas/ tandas awam / tandas sekolah.	1
P4	Rumusan/ petikan membincangkan kesan tidak menjaga kebersihan tandas/ tandas awam / tandas sekolah.	1
P5	Rumusan/ petikan membincangkan penjagaan tandas/ tandas awam / tandas sekolah.	0

**Isi [16 markah]****FOKUS 1 : langkah/ cara/ usaha menjaga kebersihan tandas awam****Bahan 1**

A1	murid-murid dididik untuk membersihkan tandas di sekolah sendiri	2
A2	kita seharusnya menjadi pengguna tandas yang menghormati hak orang lain	2
A3	kita perlu menjadi pengguna tandas yang beretika	2

**Bahan 3**

B1	Kempen kesedaran boleh dijalankan	2
B2	Segera selenggara tandas yang rosak	2

**FOKUS 2 : punca/ sebab/ faktor berlakunya tandas kotor****Bahan 1**

C1	tidak dijaga dengan sebaiknya	2
C2	sikap segelintir murid yang tidak bertanggungjawab	2
C3	tidak beretika dalam penggunaan tandas	2
C4	sikap tidak peka dengan keselesaan pengguna tandas yang lain	2

**Bahan 2**

D1	Sikap tidak bertanggungjawab pengguna	2
----	---------------------------------------	---



**FOKUS 3 : kesan tidak menjaga kebersihan tandas awam****Bahan 1**

- |    |                                  |   |
|----|----------------------------------|---|
| E1 | imej negara akan tercalar        | 2 |
| E2 | akan menimbulkan krisis sanitasi | 2 |

**Bahan 2**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| F1 | pelancong luar anggap masyarakat negara ini tidak tahu menjaga kebersihan | 2 |
|----|---|---|

**Kesimpulan [2 markah]**

- |    |   |             |
|----|---|-------------|
| K1 | Kesimpulannya, tandas awam perlu diambil perhatian agar masyarakat hidup<br>kebersihan tandas terjamin. | sihat/<br>2 |
| K2 | Kesimpulannya, tandas awam perlu diambil perhatian.   | 1           |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**